

## **PENGGUNAAN PETA MINDA DAN KATA TANYA DALAM MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENULIS KARANGAN JENIS FAKTA BAHASA MELAYU MURID TAHUN EMPAT**

Oleh

**Baiziela binti Sapangi @ Shapiee**  
**baiziela89@gmail.com**

### **ABSTRAK**

*Penyelidikan tindakan ini dijalankan untuk mengkaji kesan peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis isi-isi utama dan huraian isi karangan jenis fakta Bahasa Melayu seorang murid Tahun Empat. Selain itu, penyelidikan ini juga membantu menambah baik amalan keguruan saya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, temu bual dan latihan penulisan karangan Bahasa Melayu yang diberikan. Data dianalisis melalui analisis kandungan dan pola yang kemudiannya disemak melalui triangulasi sumber dan kaedah. Hasil dapatan menunjukkan penggunaan peta minda dan kata tanya meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta Bahasa Melayu terutama dalam mengemukakan isi-isi utama peserta kajian. Amalan profesional saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu juga ditingkatkan melalui pengenalan peta minda dan kata tanya.*

*Kata kunci:* *Peta minda, kata tanya, penulisan karangan Bahasa Melayu jenis fakta, isi utama, huraian isi*

### **ABSTRACT**

*This action research was conducted to investigate the effect of mind maps and the use of questions in improving writing main content and description of factual type Malay Language essay of a Year Four pupil. In addition, this research also aimed to improve my teaching practices in Malay Language. Data were collected through observation, interviews and Malay essay writing exercises given. Data were analyzed through content and pattern analysis which were then checked using triangulation of sources and methods. The findings indicated that the used of mind maps and question improved the participant's writing of the main content and description of factual type Malay Language essay. My teaching practices as a Malay Language teacher were also improved through the introduction of mind maps and questions.*

*Keywords:* *Mind maps, use of questions, Malay Language factual essay writing, main content, content description*

## **PENGENALAN**


### **Konteks**

Saya merupakan seorang guru pelatih yang mengambil kursus Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dalam bidang Bahasa Melayu Pendidikan Rendah yang kini sedang menuntut di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang. Saya telah menjalani tiga kali praktikum di tiga buah sekolah berbeza yang terletak di bandaraya Kuching. Saya telah menjalankan praktikum Fasa III di sekolah yang terletak di kawasan tengah bandar iaitu Sekolah Kebangsaan Sesuci Hati (nama samaran). Pada praktikum Fasa III ini, saya telah mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu (BM) Tahap 2 iaitu Tahun 4 Matahari. Kebanyakan murid di sekolah ini juga mempunyai latar belakang keluarga yang bertaraf tinggi dari segi pendidikan dan ekonomi. Setelah beberapa minggu saya mengajar kelas ini, saya mendapati sebahagian murid dalam kelas ini menghadapi masalah dalam penulisan karangan.

Semasa menjalani Praktikum Fasa I, saya mendapati murid-murid lemah dalam mengenal pasti penting atau isi utama melalui lembaran kerja yang diberikan. Malah, mereka juga tidak dapat menghuraikan isi utama tersebut dengan baik. Mereka menggunakan ayat yang mudah dan kurang memberi contoh di dalam huraian tersebut. Perkara ini akan mempengaruhi dalam penulisan isi-isi karangan mereka disebabkan isi utama, huraian dan contoh merupakan aspek utama yang amat penting dalam sesuatu penulisan karangan terutamanya dalam membina perenggan. Oleh yang demikian, pada praktikum Fasa III ini, saya berusaha menambah baik penulisan murid-murid saya terutama dalam menulis isi-isi utama dan menghuraikan isi dalam karangan jenis fakta. Saya juga menambah baik amalan pengajaran saya melalui penyelidikan tindakan kali ini.

### **Fokus Kajian**

Fokus kajian saya ialah untuk meningkatkan kemahiran menulis isi utama dan huraian karangan jenis fakta Bahasa Melayu Bahagian B Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) peserta kajian saya iaitu Nia (bukan nama sebenar). Pemilihan fokus kajian ini disebabkan kemahiran menulis karangan merupakan salah satu kemahiran penting yang harus dikuasai oleh murid-murid terutamanya murid-murid Tahap II. Pemilihan fokus kajian ini juga disebabkan asas menulis karangan harus diajar bermula daripada Tahun 4 lagi agar dapat membantu menjawab penulisan karangan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) terutamanya Bahagian B. Berdasarkan tinjauan awal berbentuk latihan, saya mendapati Nia mempunyai masalah dalam penulisan karangan. Rajah 1 menunjukkan jenis kesalahan Nia dalam tinjauan awal pada 23 Mac 2012.



Rajah 1. Tinjauan awal pada 23 Mac 2012.

Data awal yang dikumpul, jelas menunjukkan Nia lemah mengemukakan isi utama dan menghuraikan isi-isi utama dalam penulisan karangan. Berdasarkan kepada fokus yang dirancang, saya membuat pelaksanaan tindakan dalam meningkatkan kemahiran menulis isi-isi utama dan menghuraikan isi utama dalam penulisan karangan jenis fakta Nia. Saya telah menggunakan peta minda dan kata tanya bagi membantu Nia dalam penulisan karangan. Keyakinan menggunakan kaedah ini dalam membantu Nia berasaskan kajian yang telah dibuat oleh Zalekha Haji Elie (2005). Dalam kajiannya, kaedah peta minda dan kata tanya dalam membantu murid-muridnya digunakan. Ternyata kaedah yang beliau gunakan memberi kesan positif ke atas murid-muridnya dalam penulisan karangan. Ini mendorong saya untuk mencuba kaedah ini dalam membantu Nia.

### Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk:

- mengenal pasti kesan penggunaan peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran Nia semasa menulis karangan jenis fakta bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat, dan
- menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran (p&p) saya melalui penggunaan peta minda dan kata tanya dalam menulis karangan jenis fakta bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat.

### Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab dua persoalan kajian berikut.

- Apakah kesan penggunaan kaedah peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta bagi Bahasa Melayu Tahun Empat ?
- Bagaimanakah saya dapat menambah baik amalan pengajaran saya semasa menggunakan kaedah peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan

kemahiran menulis karangan jenis fakta bagi mata pelajaran bahasa Melayu  
Tahun Empat ?


## PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN

### Perancangan tindakan

Penggunaan kaedah peta minda dan kata tanya dalam membantu murid menyelesaikan masalah yang dihadapi ialah idea yang diperoleh selepas merujuk kajian-kajian lepas Zalekha Haji Elie (2005) dan Freddy Xaviers Jamil (2010). Hasil kajian mereka menunjukkan penggunaan kaedah ini menunjukkan hasil yang positif dalam memperbaiki tahap penulisan murid-murid mereka. Teori di sebalik kaedah peta minda ini ialah berasaskan Teori Pembelajaran Gestalt / Kognitif. Ahli-ahli psikologi gestalt atau kognitif berpendapat bahawa dalam proses pembelajaran, pelajar membentuk struktur kognitif dalam ingatannya. Ragbir Kaur (2006) menyatakan bahawa setiap kali seseorang individu itu belajar, dia akan menyusun segala pengalaman yang dipelajari dan menyimpannya di dalam ingatan. Penggunaan peta minda adalah selari dengan pendapat mazhab gestalt yang berpendapat bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan mental untuk mengelola, menyusun, menyimpan dan menggunakan semula segala pengalaman yang tersimpan untuk membolehkan dia menghubungkaitkan pertalian antara pengalaman tersimpan dengan masalah dihadapi. Melalui penggunaan peta minda ini, pengetahuan yang tersimpan pada minda manusia akan dikeluarkan dalam bentuk tulisan yang membantu untuk menjawab tajuk yang telah diberikan. Saya percaya dan yakin penggunaan peta minda dan kata tanya akan membantu peserta kajian saya dalam kemahiran menulis karangan ini.

### Pelaksanaan Tindakan

Saya melaksanakan tindakan saya dalam beberapa waktu yang berbeza iaitu semasa proses p&p dijalankan di dalam bilik darjah dan semasa luar p&p. Tempoh pelaksanaan bermula daripada 24 Mac 2012 sehingga 24 April 2012. Disebabkan proses untuk mengajar karangan adalah satu proses yang kompleks, saya memperuntukkan tempoh masa untuk melaksanakan p&p untuk penulisan. Namun, saya turut mengambil luar waktu persekolahan untuk melaksanakan tindakan saya memandangkan fokus saya hanyalah kepada seorang peserta kajian dan saya hanya memfokuskan kepada karangan jenis fakta sahaja. Saya memperkenalkan konsep peta minda dan kata tanya kepada Nia sebagai permulaan langkah pelaksanaan. Ini bertujuan untuk Nia mengetahui cara membuat peta minda dan menggunakan kata tanya. Rajah 2 dan Rajah 3 masing-masing merupakan contoh peta minda dan nota kata tanya yang terdapat maksud dan fungsi kata tanya supaya Nia boleh menggunakananya untuk mengembangkan isi utama di dalam penulisan karangan. Saya telah menggunakan contoh peta minda yang hanya terdapat empat petak disebabkan saya hanya memfokuskan tindakan saya dalam bagaimana menulis isi-isi utama sahaja berdasarkan tajuk karangan yang diberikan dan huraian isi di dalam setiap perenggan. Teori Pembelajaran Kohler (2002) menyarankan bahawa kebolehan mental (celik akal) juga terdapat pada manusia yang membolehkan pelajar mempelajari perkara-perkara baharu. Dengan penggunaan peta minda,minda murid lebih aktif ke arah pemikiran yang lebih meluas lagi.



Rajah 2. Contoh peta minda.



Rajah 3. Maksud dan jenis kata tanya dan fungsi.

Selepas itu, saya telah memberi bimbingan individu bagaimana menyatakan isi-isi utama daripada tajuk karangan. Saya memberi satu tajuk karangan kepada Nia dan meminta Nia menyatakan isi-isi utama yang terdapat daripada tajuk tersebut dan kemudiannya mengembangkan isi tajuk tersebut dan sebelum membina karangan lengkap.

Tindakan seterusnya dilakukan pada 13 April 2012 di luar p&p untuk memberi latihan berkaitan dengan isi-isi penting berdasarkan tajuk-tajuk yang diberikan. Tajuk-tajuk yang saya berikan kepada Nia adalah pada aras soalan yang rendah memandangkan Nia berada dalam kalangan murid tahap sederhana.

Langkah seterusnya saya jalankan pada 17 April 2012 (Selasa) iaitu memberi latihan sekali lagi iaitu mengemukakan isi utama dengan menggunakan peta minda dan menghuraikan isi utama menggunakan kata tanya. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan lagi pemahaman konsep tentang bagaimana ingin mendapatkan isi utama daripada tajuk yang diberikan serta menghuraikan isi utama tersebut. Saya juga menerangkan konsep bahawa setiap perenggan isi mesti mempunyai "isi penting + huraihan + contoh." Selain itu, saya turut merancang pengajaran yang berfokuskan kepada penulisan karangan jenis fakta.

Langkah terakhir saya jalankan ialah saya mengadakan ujian ke atas Nia bertarikh 24 April 2012 (Selasa) untuk melihat sejauh manakah dia dapat menguasai kemahiran mengemukakan isi utama karangan jenis fakta menggunakan peta minda an menghuraikan huraihan isi menggunakan kata tanya. Saya memberikan semula tajuk yang sama semasa latihan awal diberikan kepada Nia untuk melihat pola persamaan dan perbezaan selepas tindakan.

## METODOLOGI

### Peserta Kajian

Dalam penyelidikan tindakan ini, saya dan murid saya iaitu Nia merupakan peserta kajian. Somekh (1989) menyatakan bahawa penyelidikan tindakan merupakan satu kajian terhadap situasi sosial yang melibatkan peserta dalam situasi sosial itu sendiri sebagai penyelidik dengan niat untuk memperbaiki kualiti amalan masing-

masing. Saya selaku penyelidik dalam kajian ini turut menambah baik amalan pengajaran saya. Nia merupakan seorang murid yang mempunyai tahap yang sederhana dalam penulisan karangan. Nia mempunyai idea namun ideanya seringkali terkeluar tajuk.

### **Eтика Penyelidikan**

Etika penyelidikan adalah norma atau piawaian kelakuan yang memandu pilihan moral berkaitan kelakuan dan perhubungan kita dengan orang lain. Beberapa etika penting telah diambil kira untuk melindungi hak peserta kajian saya. Jadi, untuk mendapatkan persetujuan pihak sekolah, satu surat mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan tindakan telah dihantar oleh pihak Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang kepada pihak sekolah SK Sesuci Hati untuk mendapatkan kebenaran menjalankan penyelidikan tindakan. Selain itu, saya telah menulis surat memohon kebenaran daripada ibu bapa peserta supaya membenarkan anak mereka terlibat dalam kajian ini. Saya juga telah membuat surat persetujuan penyertaan sebagai tanda setuju untuk menjadi peserta kajian.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### **Temu bual**

Saya menggunakan teknik temu bual dalam mengumpul data kajian saya. Melalui temu bual, saya dapat memahami mengapa peserta kajian saya menunjukkan perlakuan tertentu. Temu bual yang telah saya jalankan terhadap murid adalah dari aspek sikap, minat, perasaan, konsepsi, pengetahuan, pendapat atau pemahaman mereka tentang pengajaran yang dilalui. Saya menjalankan temu bual ke atas murid sebelum, semasa atau di akhir pengajaran.

#### **Pemerhatian**

Saya menggunakan gambar dan catatan nota lapangan dalam mengumpul data melalui kaedah pemerhatian. Pemerhatian telah saya dilakukan dalam bilik darjah dan di luar bilik darjah sama ada dari aspek sikap, penglibatan dalam kelas dan melalui pemerhatian secara langsung. Pemerhatian secara berterusan saya lakukan untuk melihat pencapaian Nia dalam penyelidikan tindakan ini.

#### **Analisis dokumen**

Saya telah menggunakan analisis dokumen sebagai salah satu cara mengumpul data. Antara instrumen analisis dokumen yang telah saya gunakan ialah lembaran kerja, borang senarai semak pencapaian murid dan ujian yang diberikan kepada murid. Melalui dokumen ini, saya dapat mengumpulkan data yang dkehendaki secara tersusun dan sistematik. Data daripada lembaran kerja atau latihan lebih jelaskan menunjukkan penguasaan murid dalam kemahiran mengemukakan isi-isi utama karangan dan menghuraikannya. Data melalui lembaran kerja merupakan latihan-latihan yang saya berikan kepada Nia sepanjang penyelidikan tindakan dilakukan.

## Teknik Menganalisis Data

### Analisis Kandungan

Saya telah menggunakan skema pemarkahan karangan Bahasa Melayu untuk penulisan Nia. Namun, saya hanya mengutamakan dalam pengolahan isi/ Kandungan lembaran kerja dan latihan Nia dianalisis dari segi kesalahan aspek tatabahasa dan pengolahan ayat yang terdapat pada lembaran kerja peserta kajian. Hasil lembaran kerja direkodkan dengan markah dan dianalisis dari semasa ke semasa. Setelah menganalisis nota-nota lapangan yang saya catat sepanjang proses penyelidikan tindakan berlaku, saya merujuk semula isu yang ditandakan dan menentukan kategori yang sesuai. Catatan nota lapangan dikelaskan dalam kategori data seperti yakin dan perasaan untuk memudahkan penginterpretasian data yang dikumpul.

Saya menganalisis data temu bual saya dengan mentranskripsikan dalam bentuk teks, ditemui dalam komputer dan dianalisis secara manual. Saya menandakan isu yang penting yang terdapat dalam transkrip temu bual yang berkaitan dengan persoalan kajian saya. Berdasarkan tanda-tanda yang dilakukan, saya mengenal pasti tema yang berkaitan dengan temu bual tersebut. Contoh-contoh tema adalah seperti minat murid saya terhadap kaedah peta minda dan kata tanya, pandangan murid tentang kaedah peta minda dan kata tanya. Saya membuat koding semasa menganalisis data temu bual. Rajah 4 menunjukkan penentuan tema bagi transkrip temu bual untuk tujuan penganalisisan data. (24 Mac 2012).

TRANSKRIP TEMU BUAL	
Saya :	Adakah kamu faham menggunakan peta minda dan kata tanya?
Nia :	Ya cikgu.
Saya :	Adakah kamu minat untuk mengemukakan isi-isi utama karangan melalui kaedah peta minda ini?
Nia :	Minat cikgu tapi saya lebih suka karangan jenis cerita.
Saya :	Apakah perasaan kamu setelah guru menggunakan kaedah peta minda dan kata tanya dalam menguraikan isi-isi utama dalam penulisan karangan ini?
Nia :	Gembira tapi peta minda lebih mudah berbanding kata tanya cikgu.
TB03 NIA 24042012	
Kategori	
<b>Kefahaman</b>	✓
<b>Minat</b>	✓

Rajah 4. Penentuan tema bagi transkrip temu bual untuk penganalisisan data (24 Mac 2012).

### Analisis Pola


Saya telah menganalisis pola yang terdapat pada lembaran kerja. Dengan ini, saya dapat membandingkan sama ada terdapat pola persamaan atau perbezaan. Saya menganalisis pola kesalahan yang terdapat dalam lembaran kerja murid sama ada kesalahan yang sama diulangi atau kesalahan dari aspek lain. Rajah 5 menunjukkan pola-pola yang terdapat pada latihan awal dan latihan akhir yang diberikan dan kedua-dua latihan ini diberikan tajuk yang sama

Pola-pola perbezaan dan persamaan antara latihan awal dan latihan akhir		
Perkara	Latihan Awal	Latihan Akhir
Dapat mengemukakan 3-4 isi utama	Ya	Ya
Mutu Karangan	Sederhana	Lebih Baik
Penghuraian Isi Utama	Berada dalam tahap yang lemah dalam menghuraikan isi karangan	Berupaya untuk menghuraikan namun struktur ayat masih lemah, masih perlu diperbaiki
Kekemasan Tulisan	Sederhana	Lebih baik

Rajah 5. Pola-pola perbezaan dan persamaan latihan awal dan latihan akhir.

### Teknik Menyemak Data

Saya menggunakan triangulasi kaedah dan sumber untuk menyemak data yang telah dianalisis. Tujuan triangulasi adalah untuk meningkatkan kesahan dan kebolehpercayaan data kualitatif iaitu dengan mendapatkan data daripada punca yang berbeza. Semasa menggunakan traingulasi kaedah, saya menggunakan gambar foto dan temu bual untuk melihat perbandingan dan hubungkait antara kaedah ini. Rajah 6 menunjukkan perkaitan antara gambar foto dan kaedah temu bual.



Rajah 6. Triangulasi kaedah antara temu bual dan gambar (17 April 2012).


Triangulasi sumber hanya melibatkan guru pembimbing saya, Cikgu Rita (bukan nama sebenar) dan saya. Ujian terakhir yang dijalankan ke atas murid saya turut disemak oleh guru pembimbing saya, Cikgu Rita untuk mendapatkan pandangan beliau ke atas penguasaan murid saya melalui tindakan yang telah saya laksanakan. Tujuannya ialah untuk mengesahkan lagi data yang diperoleh.

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan


- Apakah kesan penggunaan kaedah peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan jenis fakta bagi bahasa Melayu Tahun Empat?

Penggunaan peta minda telah membantu peserta kajian saya, Nia dalam mengemukakan isi-isi utama berdasarkan tajuk yang diberikan. namun kaedah kata tanya hanya dapat membantu dengan sedikit Nia dalam menghuraikan isi utama. Namun begitu, Nia dapat menguasai konsep yang ada dalam pembinaan sesuatu perenggan iaitu dapat mengetahui perlunya ada “isi + huraian + contoh.” Rajah 7 menunjukkan latihan Nia mengaplikasikan peta minda dan kata tanya di dalam penulisan karangan.



Rajah 7. Latihan penulisan karangan berdasarkan tajuk (13 April 2012).

Peta minda dan kata tanya membantu dari aspek pengolahan isi karangan. Rajah 8 menunjukkan terdapatnya “isi + huraian + contoh” dalam penulisan karangan Nia. Walaupun Nia dapat menghuraikan isi utama tersebut, namun terdapat juga kesalahan struktur ayat. Namun, dalam penulisan karangan tahap penulisan Nia adalah lebih baik berbanding latihan awal yang diberikan.



Rajah 8. Ujian akhir (24 April 2012).

Borang Senarai Semak Tahap Pencapaian Nia semasa tindakan dijalankan dengan menggunakan kaedah peta minda dan kata tanya dalam menulis karangan jenis fakta dalam Jadual 9 menunjukkan terdapat peningkatan penguasaan Nia dalam kemahiran mengolah isi.

Jadual 9  
*Borang Senarai Semak Tahap Pencapaian Nia*

Bil.	Tindakan	Bilangan Isi yang dikemukakan	Markah Pengolahan Isi	Markah Keseluruhan
1.	Latihan Pertama	4	6/10	15/30
2.	Latihan Kedua	4	8/10	18/30
3	Latihan Penulisan di dalam kelas	4	6/10	16/30
4.	Ujian	4	8/10	20/30

Berdasarkan analisis tahap pencapaian Nia berdasarkan senarai semak, markah pengolahan isi daripada 6/10 semasa latihan awal meningkat kepada 8/10 semasa ujian akhir dijalankan. Markah keseluruhan Nia juga semakin meningkat. Walaupun Nia menunjukkan prestasi yang tidak konsisten, namun peta minda dan kata tanya tetap berjaya membantu Nia memperbaiki tahap penulisan karangan Nia. Ini disokong oleh kajian-kajian lepas oleh Noor Zurina Kassim (2007), Zalekha Haji Elle (2005), Wong Pui Chze (2009), dan Freddy Xaviers Jamil (2010) bahawa kaedah ini dapat meningkatkan markah penulisan murid-murid selain dapat mengolah isi karangan dengan lebih baik.

Kefahaman Nia terhadap kaedah yang dilaksanakan menunjukkan hasil yang positif. Transkrip temu bual saya dengan Nia pada 19 April 2012 selepas sesi p&p adalah seperti berikut.


- Saya : Apa yang kamu dapat daripada pengajaran cikgu hari ini?  
Nia : Saya lebih mudah faham cikgu, Nampak lebih senang.  
Saya : Apa yang senang?  
Nia : Peta minda cikgu. Senang nak dapat isi daripada tajuk karangan.  
Saya : Ok, bagus. Selepas ini, bagaimana kamu membuat soalan karangan seperti ini dalam ujian?  
Nia : Cari isi penting guna peta minda, cikgu. Buat huraian guna kata tanya cikgu seperti mengapa, bila, siapa, bagaimana, di mana dan apa.

TB03 NIA 19042012

Temu bual tersebut menunjukkan kefahaman Nia terhadap kaedah yang dilaksanakan kerana pada pendapatnya dia ‘lebih mudah faham,’nampak lebih senang, ‘peta minda senang nak dapat isi daripada tajuk karangan, ‘cari isi penting guna peta minda.’ Melalui pendapat Nia, jelas menunjukkan terdapat peningkatan terhadap diri Nia setelah penyelidikan tindakan dilaksanakan terutama dalam aspek penulisan karangan.

- Bagaimanakah saya dapat menambah baik amalan pengajaran saya semasa penggunaan kaedah peta minda dan kata tanya dalam meningkatkan kemahiran menulis karangan berbentuk fakta bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Tahun Empat?

Sebagai bakal guru Bahasa Melayu, penyelidikan tindakan ini dapat menambah baik amalan pengajaran saya sebagai guru Bahasa Melayu. Selain melaksanakan tindakan ini ke atas peserta kajian, saya turut mengaplikasikan kaedah ini kepada seluruh kelas 4 Matahari .Rajah 10 menunjukkan antara hasil kerja murid setelah saya memperkenalkan kaedah peta minda kepada kelas ini.



Rajah 10. Hasil kerja murid setelah konsep peta minda diperkenalkan.  
(16 April 2012).

Berdasarkan Rajah 10, murid-murid didapati terlibat aktif semasa sesi p&p dijalankan. Murid-murid telah berjaya mengetahui konsep peta minda sebagai satu cara mengemukakan isi-isi utama. Selain daripada Nia yang dapat mengaplikasikan peta minda dalam mengemukakan isi penting, murid-murid tahun 4 Matahari yang lain turut terlibat menggunakan peta minda hasil daripada pengenalan kaedah peta minda ini.

Selain itu, saya juga dapat mengeratkan hubungan yang baik dengan warga sekolah melalui penyelidikan tindakan ini terutama sekali hubungan dengan murid yang diajar dan peserta kajian saya. Transkrip temu bual saya dengan Nia pada 19 April 2012 selepas sesi p&p adalah seperti berikut.

Saya : Apa perasaan kamu selepas cikgu mengajar hari ini?  
Nia : Gembira cikgu.  
Saya : Kenapa awak gembira?  
Nia : Sebab cikgu baik hati, cikgu ajar saya.

TB03 NIA 19042012

Temu bual tersebut menunjukkan Nia gembira mengikuti pelajaran saya pada hari tersebut dan suka untuk belajar bersama-sama saya kerana pada pendapatnya saya ‘baik hati’. Ini merupakan kali pertama saya menjalankan penyelidikan tindakan ini dan ternyata memberi kesan yang positif dalam hubungan saya bersama-sama peserta kajian.

## REFLEKSI

### **Refleksi Penilaian Tindakan**

#### **Kesan terhadap peserta kajian**

Penyelidikan tindakan yang telah dijalankan memberi kesan yang positif terhadap murid saya, Nia dalam penulisan isi karangannya walaupun tidak secara keseluruhannya. Melalui hasil daptatan yang diperoleh, penggunaan peta minda dalam penulisan isi karangan fakta ternyata dapat membantu Nia dalam mengemukakan isi-isi penting berdasarkan tajuk. Walaupun tahap penulisan Nia masih pada tahap yang sederhana, namun Nia dapat mengemukakan isi-isi penting melalui tajuk yang diberikan.

#### **Kesan terhadap amalan kendiri**

Mengajar murid untuk menulis karangan merupakan salah satu cabaran bagi diri saya disebabkan bukan mudah untuk mengajar dalam bidang penulisan. Namun begitu, perbincangan serta pertanyaan yang saya ajukan kepada guru pembimbing ternyata amat membantu dalam membaiki perancangan proses p&p saya. Untuk meningkatkan lagi pengetahuan saya dalam bidang ini, pembacaan yang luas adalah perlu untuk saya menambahkan ilmu pengetahuan dan mengaplikasikan teknik dan kaedah yang berkesan untuk mengajar murid-murid.

Selepas menjalankan kajian ini, saya juga dapat meningkatkan lagi amalan kendiri dalam proses melaksanakan tindakan ini seperti proses membuat laporan penyelidikan tindakan dan yang paling penting ialah dalam proses menganalisis dan menyemak data dengan teliti. Walapun nampak rumit, namun di sini saya dapat belajar untuk melakukan sesuatu yang baharu yang akan memberi pengalaman kepada saya untuk diaplikasikan suatu hari nanti.

#### **Kesan terhadap kurikulum**

Penggunaan kaedah peta minda dan kata tanya dapat membantu murid saya dalam penulisan jenis fakta. Kaedah ini juga sesuai digunakan untuk jenis karangan yang lain seperti keperihalan, berita, dan syarahan. Penggunaan peta minda terkandung dalam Huraian Sukatan Pelajaran Tahun 4 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) iaitu dalam "Hasil Pembelajaran, 8.4 Membina dan menulis ayat topik dan ayat huraian berdasarkan sesuatu perkara." Peta Minda merupakan cadangan aktiviti bagi mengkonstruk ayat topik dan ayat huraian berdasarkan isi yang telah dikenal pasti tentang sesuatu tajuk.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

#### **Amalan profesion guru**

Penyelidikan ini telah meningkatkan profesion saya sebagai seorang yang bakal bergelar guru. Dengan penggunaan kaedah peta minda dan kata tanya dalam pengajaran karangan jenis fakta amalan profesional saya dalam proses p&p dapat ditingkatkan. Ini adalah disebabkan penggunaan peta minda boleh disesuaikan dengan aras dan kebolehan murid. Saya juga boleh merancang strategi P&P yang boleh menarik minat murid. Saya turut mengaplikasikan kaedah peta minda ini dalam kelas yang saya ajar agar saya dapat menguji kesannya terhadap murid-murid lain. Saya mendapati murid-murid lain yang saya ajar dapat menggunakan kaedah peta minda ini sebagai satu cara untuk mengemukakan isi-isi penting dalam penulisan karangan dan juga dapat memperbaiki tahap penulisan mereka.

### **Amalan sebagai guru Bahasa Melayu**

Setelah saya mengaplikasikan kaedah ini ke atas murid dan peserta kajian saya, saya mendapati proses pengajaran terutamanya dari aspek menulis karangan menjadi lebih menarik. Saya telah mempelajari perkara baharu yang pelbagai berkaitan dengan kemahiran mengarang dan menjadikan saya lebih yakin untuk mengajar karangan selain dapat menambah baik amalan pengajaran saya sebagai seorang guru Bahasa Melayu. Pengalaman dalam penyelidikan tindakan ini juga menyedarkan saya sebagai guru Bahasa Melayu agar prihatin akan masalah murid.

### **Amalan sebagai penyelidik dalam PT**

Melalui penyelidikan tindakan ini, saya dapat mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh murid terutamanya dari aspek menulis iaitu dalam kemahiran mengarang. Pada mulanya, saya dapat mengesan masalah murid melalui pemerhatian awal yang didapati daripada lembaran kerja murid dan dari sikap serta tingkah laku murid. Itu adalah aspek yang paling penting yang perlu diambil kira oleh saya sebagai penyelidik. Dengan mengetahui masalah yang dihadapi oleh murid, saya dapat memikirkan atau mencari penyelesaian bagaimana untuk membantu murid dalam menghadapi masalah dalam pembelajaran terutamanya dari aspek kemahiran menulis karangan.

Secara keseluruhannya, penyelidikan tindakan ini merupakan salah satu daripada cara menambahbaik amalan pengajaran saya serta memberi peluang kepada saya untuk memperkembangkan profesionalisme saya sebagai guru yang berupaya menilai diri sendiri.

### **Cadangan Tindakan Untuk Kitaran Seterusnya**

Saya berhasrat untuk melanjutkan kajian ini kepada kitaran yang seterusnya. Saya mendapati kaedah penggunaan peta minda dan kata tanya dapat membantu murid-murid menulis karangan jenis fakta dalam bilik darjah. Saya ingin menggunakan kaedah ini untuk menulis karangan jenis lain seperti keperihalan, perbahasan dan surat rasmi.

Selain itu, saya mendapati bahan bantu belajar seperti permainan dapat meningkatkan pemahaman murid tentang sesuatu konsep. Bahan bantu belajar yang menarik dan pelbagai dan sesuai dengan aras murid juga bertindak sebagai bahan perangsang kepada murid-murid untuk memahami sesuatu konsep.

Saya juga ingin menggunakan peta minda yang lebih warna-warni dari segi ilustrasi semasa mengajar murid-murid serta memberi bimbingan individu dengan masa yang lebih panjang.

### **RUJUKAN**

- Abd Fatah Hasan. (2003). *Penggunaan minda secara optimum dalam pembelajaran*. Pahang: PTS Publications & Distributors.
- Noresah Baharom, (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Pusat Perkembangan Kurikulum. (2003). *Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah Bahasa Melayu Tahun 4*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.

- Asma Ishak. (2005). Meningkatkan kemahiran mencatat isi-isi penting di kalangan murid tahun 4 dengan menggunakan kaedah peta minda. *Jurnal Kajian Tindakan Guru (Sekolah Rendah Tahun 2005)*, 133-140.
- Freddy Xaviers Jamil. (2010). Kesan penggunaan peta minda berunsurkan “Kata Tanya” dalam meningkatkan kemahiran mengolah isi karangan jenis keperihalan Bahasa Melayu Tahun Lima. Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Tindakan Seminar Penyelidikan Tindakan Tahun 2010 IPG KBL (BM Pendidikan Rendah), 140-156.
- Lisah Chong Vui Fah. (2011). Penggunaan “Combo Set” dalam membantu murid Tahun Tiga, Buku Koleksi Artikel Penyelidikan Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2011, 27-41.
- Wong Pui Chze. (2009). Penggunaan peta minda dalam meningkatkan prestasi penulisan karangan naratif Bahasa Cina dalam kalangan murid Tahun 5 Sekolah Jenis Kebangsaan. *Buku Koleksi Kertas Kerja Seminar Penyelidikan IPGM KBL Tahun 2009*, 135-145.
- Zalekha Haji Elle. (2005). Meningkatkan prestasi murid Tahun 5 Jaya dalam penulisan Bahasa Melayu menggunakan Kaedah Minda dan Kata Soal. *Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan MPBL tahun 2005*, 160-166